

NO. SOALAN : 492

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA

RUJUKAN : 8756

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senarai nama-nama syarikat pengambilan pekerja di Bangladesh yang terlibat bagi pekerja yang dibawa ke Malaysia dan nama syarikat yang terlibat di pihak Malaysia.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 19 Februari kerajaan telah menangguhkan pengambilan pekerja asing di semua negara sumber termasuk Bangladesh sehingga ke suatu tarikh yang akan ditetapkan.

Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh pihak Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Bangladesh merupakan penambahbaikan kepada mekanisme G to G sedia ada yang merangkumi aspek perekrutan, penggajian dan penghantaran pulang pekerja Bangladesh. Sebarang pelantikan syarikat yang terlibat dalam perekrutan di Bangladesh adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Republik Bangladesh. Pihak Kerajaan Malaysia tiada sebarang penglibatan di dalam urusan pelantikan syarikat-syarikat tersebut.